

# UMS lancar produk baharu A-Yamli

UB 17.08.2022 P.03

## Ayam pedaging premium diet pemakanan ekstrak Tongkat Ali

**PENAMPANG:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghasilkan produk A-Yamli, inovasi terhadap ayam pedaging komersial yang menggunakan ekstrak Tongkat Ali sebagai sebahagian daripada diet pemakanannya.

Penyelidikan itu dimulakan pada tahun 2011 bagi menghasilkan kualiti daging ayam yang lebih premium dan sihat tanpa bergantung penuh kepada ubat-ubatan seperti antibiotik serta vaksin.

Majlis pelancarannya disempurnakan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Ir. Prof. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly di pasar raya Pick N Pay, di sini pada Ahad.

Menurut Rosalam, menerusi kajian dan fasa prapengkomersialan di lapangan, terbukti Tongkat Ali dapat menjadikan ayam pedaging lebih aktif, mengurangkan kadar kematian, bau pada reban ayam serta menunjukkan kurangnya kehadiran lalat pada najis ayam.

"Hasil kajian juga mendapati bahawa kandungan protein

pada ayam pedaging ini lebih tinggi, manakala lemaknya pula kurang. Penggunaan Tongkat Ali kepada ayam pedaging ini juga menyebabkan isi atau daging ayam lebih pejal dan mempunyai rasa yang tersendiri.

"Semua ujian dan pra-pengkomersialan telah dilakukan di Sabah dan di Brunei Darussalam yang akhirnya membawa kepada pengkomersialan A-yamli yang dilancarkan hari ini (Ahad)," katanya ketika berucap pada majlis tersebut.

Untuk rekod, produk A-Yamli turut dinobatkan sebagai pemenang pingat emas semasa dipertandingan pada Seoul International Invention Fair pada 2013.

Sementara itu, Rosalam turut merakamkan ucapan terima kasih kepada syarikat Petrogaya Sdn. Bhd. kerana sudi berkolaboratif dengan UMS dalam mengkomersialkan produk berkenaan.

"Sebagai hala tuju dan kelestarian, UMS juga sentiasa memantau keberkesanan projek pengkomersialan ini melalui syarikat milikan



**PRODUK BAHARU:** Rosalam (kanan) menunjukkan produk A-Yamli hasil inovasi UMS. Turut kelihatan Ag Ahmad (dua kiri), Jidon (tengah) dan Mazali (dua kanan).

penuh universiti iaitu UMS Investment Holdings Sdn Bhd.

"Produk ayam premium A-Yamli kini boleh diperolehi di pasar raya Pick N Pay Plaza 333, Penampang. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada penyelidik Fakulti

Perhutanan Tropika (FPT), Ag. Ahmad Mohd. Yunus atas kejayaan menghasilkan inovasi yang berimpak tinggi ini," ujar Rosalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Petrogaya Sdn. Bhd. Mazali Rajang, Pengarah Pusat Pengurusan

Inovasi dan Pengkomersialan UMS Prof. Madya Dr. Jidon @ Adrian Janaun, Dekan FPT UMS Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar @ Raffie, dan Ketua Jualan dan Barangan CCV Retail Sdn. Bhd Lin Shih Lung.